

LAPORAN TAHUNAN KWSMP

Kumpulan Wang Sumbangan
Modal Pembedungan

2019





LAPORAN TAHUNAN 2019

Kumpulan Wang Sumbangan
Modal Pembedungan

KANDUNGAN

PENGENALAN	2
AKTIVITI TAHUN 2019	4
PROJEK SISTEM PEMBETUNGAN DI BAWAH KWSMP	8
STATUS PROJEK DI BAWAH PEMBIAYAAN KWSMP	11
PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2019	13
PERANCANGAN MASA HADAPAN	16
PENYATA KEWANGAN	17

1.0 Pengenalan

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pebetungan (KWSMP) ditubuhkan di bawah Seksyen 172 Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655) dengan berkuat kuasanya **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pebetungan) 2011** mulai 1 Januari 2011.

Seksyen 172(2) Akta 655 menjelaskan bahawa KWSMP hendaklah terdiri daripada apa-apa jumlah wang yang disumbangkan oleh pemaju atau orang yang membina:

- a. bangunan dan menyambungkan bangunan itu ke suatu pebetung awam;
- b. tempat rawatan kumbahan tanpa kemudahan pemprosesan enap cemar atau penjana kuasa tunggu sedia atau kedua-duanya; dan
- c. tangki septik individu atau tangki septik komunal yang menghendaki suatu kemudahan pemprosesan enap cemar di luar tapak.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) merupakan pengurus, pengawal dan pengendali KWSMP selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 172(1) Akta 655.

1.1 JAWATANKUASA KWSMP SPAN

Selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 13 Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654), Suruhanjaya telah menubuhkan Jawatankuasa KWSMP (JKWSMP) bagi mengendalikan hal ehwal berkenaan dengan pengurusan dana KWSMP. Di antara lain fungsinya adalah untuk memutuskan dasar dan tatacara berhubung dengan penggunaan Kumpulan Wang selaras dengan tujuan penubuhan kumpulan wang tersebut.

JKWSMP dianggotai oleh empat (4) Anggota Suruhanjaya termasuk Ketua Pegawai Eksekutif SPAN.

Bermula 14 Mei 2019, Mesyuarat Jawatankuasa KWSMP telah digabungkan dengan Jawatankuasa Kewangan dan dikenali sebagai Jawatankuasa Kewangan dan KWSMP (JKKWSMP). Unit Perkhidmatan Urus Setia, Bahagian Undang-Undang SPAN bertindak sebagai sekretariat bagi pengurusan mesyuarat Jawatankuasa tersebut.

1.2 JAWATANKUASA PENILAIAN

Dua (2) jawatankuasa kerja di peringkat pelaksanaan telah ditubuhkan bagi membantu JKKWSMP menjalankan fungsinya, iaitu Jawatankuasa Penilaian Kecil (JakPen Kecil) dan Jawatankuasa Penilaian Utama (JakPen Utama). Kedua-dua jawatankuasa penilaian ini berperanan untuk menyemak dan menilai permohonan daripada pemaju seperti *offset* KWSMP pembayaran dengan kerja kos menaik taraf sistem pebetungan awam yang telah dibuat, permohonan tuntutan balik bayaran dan permohonan kelonggaran kadar bayaran berdasarkan kategori tertentu yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pebetungan) 2011.

Mengikut prosedur yang telah ditetapkan, kesemua permohonan tersebut hendaklah dinilai terlebih dahulu oleh JakPen Kecil di peringkat pejabat wilayah dan selanjutnya dibentangkan ke JakPen Utama di peringkat ibu pejabat bagi tujuan mengesyorkan pertimbangan sebelum diangkat ke JKKWSMP untuk diluluskan.

JakPen Kecil akan dipengerusikan oleh Pengarah Wilayah masing-masing dengan keahlian turut melibatkan wakil daripada agensi perakuan serta operator pembetulan. Sekretariat JakPen Kecil adalah mengikut pejabat wilayah masing-masing.

Manakala JakPen Utama dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SPAN dan ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai kanan SPAN dan wakil daripada Real Estate & Housing Developers' Association (REHDA), The Institution Of Engineers Malaysia (IEM) dan Indah Water Consortium Sdn Bhd (IWK). Sekretariat JakPen Utama adalah Bahagian Sumber dan Perancangan Tadahan, Jabatan Kawal Selia Air dan Pembetulan, SPAN.



Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP)

Ditubuhkan di bawah Seksyen 172 Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655) dengan berkuat kuasanya Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan) 2011 mulai 1 Januari 2011.

2.0 Aktiviti Tahun 2019

2.1 SEMAKAN SEMULA MEKANISME PENILAIAN CADANGAN PROJEK PEMBETUNGAN (MPCP)

Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) telah menetapkan di bawah seksyen 172(3) bahawa KWSMP hendaklah dibelanjakan bagi maksud berikut:

- a. untuk menambah perbelanjaan modal yang dikehendaki bagi sistem pembetungan awam;
- b. untuk melaksanakan sistem pembetungan serantau; atau
- c. apa-apa maksud lain yang ditentukan oleh Menteri.

Oleh yang demikian, bagi memastikan perbelanjaan di bawah dana ini mampu memberi impak ke arah kelestarian industri perkhidmatan pembetungan dan selari dengan polisi serta dasar baru kerajaan, SPAN telah mengambil inisiatif untuk menyemak semula mekanisme penilaian projek di bawah pembiayaan KWSMP.

Mekanisme tersebut telah ditambah baik dengan berpegang kepada prinsip asas (*fundamental*) sistem pembetungan diwujudkan, iaitu untuk melindungi kesihatan awam, menjaga sumber air minuman dan melindungi alam sekitar, serta mengambil kira faktor penggalakan pertumbuhan ekonomi setempat dan juga keamanan pengoperasian operator.

Mekanisme baru tersebut yang dikenali sebagai Mekanisme Penilaian Cadangan Projek (MPCP) telah siap dirangka dan dibentangkan dalam Mesyuarat JKWSMP Bil.2/2019 pada 25 April 2019. Cadangan pindaan MPCP ini ialah penambahbaikan kepada mekanisme sedia ada dan turut menyentuh komponen lain bagi kerangka baru MPCP ini. Dengan yang demikian, struktur MPCP ini terdiri daripada tiga (3) komponen utama, iaitu:

- (i) Skop – menjelaskan berkenaan punca kuasa perundangan di bawah Akta 655 yang dirujuk bagi asas penetapan skop dan juga kategori serta jenis kerja yang layak dipertimbangkan.
- (ii) Kriteria – menggariskan senarai kriteria penilaian dengan merujuk kepada punca kuasa perundangan dan juga berdasarkan kepada skop kategori serta jenis kerja yang telah ditetapkan.
- (iii) Prosedur – menggariskan syarat keperluan dokumentasi, tatacara penilaian dan skop serta tanggungjawab pihak-pihak yang berkepentingan.

Dengan pemakaian MPCP ini, maka satu jawatankuasa telah ditubuhkan, iaitu Jawatankuasa Penilaian Cadangan Projek (JPCP) untuk menilai cadangan projek fizikal di bawah pembiayaan dana KWSMP selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 172(3)(a) dan 172(3)(b) Akta 655 termasuk permohonan projek kecemasan yang dikemukakan oleh pencadang projek.

Pencadang projek terdiri daripada pemegang Lesen Perkhidmatan ataupun pihak Kerajaan. Ahli panel JPCP terdiri daripada pegawai kanan SPAN dan wakil daripada Bahagian Perkhidmatan Air, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS). Pengemukakan cadangan projek hendaklah lengkap dan mematuhi kehendak di dalam Garis Panduan Pengemukakan Cadangan Projek (MPCP) yang telah dikeluarkan pada Mei 2019.

2.2 MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN KWSMP (JKKWSMP)
(SEBELUM 14 MEI 2019 DIKENALI SEBAGAI JAWATANKUASA KWSMP (JKWSMP))

Sepanjang 2019, JKWSMP telah bersidang sebanyak dua (2) kali dan JKKWSMP telah bersidang sebanyak tiga (3) kali seperti jadual yang berikut:

Mesyuarat	Tarikh
Mesyuarat JKWSMP SPAN Bil. 1/2019	14 Januari 2019
Mesyuarat JKWSMP SPAN Bil. 2/2019	25 April 2019
Mesyuarat JK Kewangan & KWSMP SPAN Bil. 1/2019	13 Jun 2019
Mesyuarat JK Kewangan & KWSMP SPAN Bil. 2/2019	20 Ogos 2019
Mesyuarat JK Kewangan & KWSMP SPAN Bil. 3/2019	26 September 2019

Jadual 1: Mesyuarat Jawatankuasa sepanjang 2019

Bagi dua (2) Mesyuarat JKWSMP yang telah bersidang, sejumlah 11 kertas kerja telah dibentangkan merangkumi enam (6) kertas pertimbangan dan lima (5) kertas makluman. Bagi Mesyuarat JKKWSMP, pihak Jabatan hanya mengemukakan dua (2) kertas pertimbangan masing-masing dalam Mesyuarat JKKWSMP Bil.2/2019 dan Bil.3/2019. Kertas pertimbangan yang terlibat adalah bagi kertas pertimbangan kes-kes KWSMP dan permohonan dana KWSMP bagi kerja-kerja penyelenggaraan Tangki Septik Komunal (CST) oleh IWK.

Jadual 2 menunjukkan statistik bagi kes rayuan KWSMP yang telah diterima sehingga 31 Disember 2019 dan yang telah diluluskan di Mesyuarat JKWSMP dan JKKWSMP. Sebanyak 87 kes permohonan telah diterima dan 70 kes permohonan telah diluluskan dan satu (1) kes ditangguhkan. Bagi baki 16 kes permohonan yang telah siap diproses, permohonan tersebut akan dibawa untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Utama yang akan datang sebelum dibawa ke peringkat JKKWSMP.

Bil.	Kategori Permohonan	Telah diterima (a)	Sedang diproses (b)	Syor JakPen (c)	Keputusan JKKWSMP		
					Lulus	Tolak	Tangguh
1	Offset	59	12	-	46	-	1
2	Penetapan kadar	15	2	-	13	-	-
3	Tuntutan bayaran balik	9	2	-	7	-	-
4	Lain-lain (bayaran berperingkat)	4	0	-	4	-	-
Jumlah		87	16	-	70	-	1

Jadual 2: Kes rayuan KWSMP yang diterima sehingga 31 Disember 2019

Nota:

- Bermaksud kes yang diterima oleh Bahagian Sumber dan Perancangan Tadahan, Jabatan Kawal Selia Air dan Pembetungan SPAN dari pejabat wilayah (JakPen Kecil) bermula 1 Januari 2019.
- Bermaksud masih dalam semakan urus setia atau kes telah ditangguhkan oleh JakPen Utama.
- Bermaksud telah disyorkan lulus / tolak oleh JakPen Utama dan diangkat untuk persetujuan JKKWSMP.

2.0 Aktiviti Tahun 2019

2.3 STATISTIK KEPUTUSAN PERMOHONAN/RAYUAN PEMAJU BERKAITAN DENGAN PEMBAYARAN KWSMP

Sepanjang 2019, sebanyak 71 kes telah dibentangkan ke Mesyuarat JKWSMP mengikut syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Utama (JakPen Utama). Daripada jumlah tersebut, 46 kes melibatkan permohonan *offset*, tujuh (7) kes permohonan tuntutan balik bayaran, 13 kes penetapan kadar dan empat (4) kes permohonan kelonggaran kadar bayaran berdasarkan kategori tertentu. Satu (1) kes permohonan telah ditangguhkan untuk mendapatkan maklumat lanjut bagi menyokong rayuan yang telah dikemukakan.

a. Keputusan Permohonan *Offset*

Bagi kategori rayuan *offset* yang mana pemaju dibenarkan untuk kontra sumbangan KWSMP dengan kos kerja menaik taraf yang telah dilakukan, sejumlah 46 kes permohonan telah dibentangkan. 43 daripadanya telah diluluskan dan tiga (3) ditolak.

Bagi 46 kes permohonan *offset* yang telah diluluskan, didapati bahawa;

- (i) 23 kes melibatkan kos menaik taraf melebihi amaun KWSMP yang perlu dibayar dan pemaju tidak boleh menuntut lebihan tersebut.
- (ii) 19 kes melibatkan kos menaik taraf lebih rendah daripada amaun KWSMP yang perlu dibayar dan pemaju perlu menjelaskan baki bayaran.
- (iii) Empat (4) kes merupakan pembangunan secara berfasa yang mana pemaju boleh memohon *offset* bagi fasa-fasa akan datang.

b. Keputusan Permohonan Tuntutan Balik Pembayaran/Penetapan Kadar

Kes-kes tuntutan balik lebihan bayaran KWSMP merangkumi perkara-perkara disebabkan oleh penukaran jenis sistem pembedaan, pembatalan pembangunan, tuntutan selepas kelulusan *offset* serta pro-rata dan pembangunan didapati berada dalam kawasan tadahan sedia ada. Sejumlah 20 kes telah dibentangkan ke JKWSMP SPAN dan 11 permohonan telah diluluskan dan bagi baki sembilan (9) permohonan telah ditolak.

Bagi 20 kes permohonan *offset* yang telah diluluskan, didapati bahawa;

- (i) Tujuh (7) kes permohonan tuntutan balik lebihan bayaran balik dan diluluskan.
- (ii) Empat (4) kes rayuan penetapan kadar yang diluluskan, melibatkan permohonan bagi pembangunan yang termasuk dalam kawasan tadahan asal, projek kerajaan dan kadar bangunan spesifik seperti sekolah kerajaan dan rumah ibadat.
- (iii) Sembilan (9) kes rayuan penetapan kadar yang ditolak, melibatkan permohonan bagi pembangunan komersial yang mana kadar KWSMP adalah berdasarkan kepada 1% daripada nilai pasaran.

c. Keputusan Rayuan Kelonggaran Kadar Bayaran

Bagi kategori ini, pemaju memohon rayuan untuk dikenakan kadar bayaran mengikut kategori lain atas sebab-sebab yang tertentu dan bukannya mengikut kadar asal yang telah ditetapkan dalam peraturan. Sebagai contoh, pemaju memohon supaya dikenakan kadar berdasarkan kepada kos kontrak (untuk projek kerajaan) dan bukannya 1% daripada harga jualan / nilai semasa. Sebanyak empat (4) kes telah dibentangkan pada JKWSMP dan hanya tiga permohonan diluluskan.

2.0 Aktiviti Tahun 2019

2.4 AKTIVITI LAIN BERKAITAN KWSMP

Bahagian Sumber dan Perancangan Tadahan, Jabatan Kawal Selia Air dan Pembetulan SPAN telah menganjurkan satu bengkel KWSMP yang melibatkan seramai 29 orang peserta daripada SPAN dan IWK. Bengkel tersebut telah diadakan pada 19 dan 20 Jun 2019 di Hotel Tenera Bangi, Selangor.

Objektif bengkel ini adalah untuk mengenal pasti, mengupas dan mengkaji isu dan permasalahan yang dihadapi berhubung dengan prosedur kerja sedia ada berkenaan mekanisme pengutipan sumbangan KWSMP. Selain itu, platform ini juga digunakan untuk membincang dan mengkaji isu-isu berbangkit yang dihadapi oleh pihak yang berkepentingan dalam mematuhi kehendak yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (KWSMP) 2011.

Terdapat beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh para peserta dan perbincangan adalah bagi mendapatkan langkah-langkah penyelesaian yang bersesuaian dan seterusnya merangka pelan tindakan resolusi jangka pendek serta jangka panjang.

Pelaksanaan bengkel ini juga dilihat dapat meningkatkan kerjasama yang erat di antara ibu pejabat SPAN, pejabat wilayah SPAN dan agensi perakuan supaya pemahaman amalan yang sama dan seragam dapat diperkukuhkan.

Hasil dari bengkel tersebut, sebanyak 22 isu dan cabaran telah dapat dikenal pasti iaitu isu-isu yang melibatkan Peraturan-Peraturan, proses *offset* dan validasi. Terdapat 29 soalan lazim dibangkitkan dalam bengkel tersebut. Sebanyak 28 daripada 29 soalan lazim tersebut, telah dapat dijawab dan diselesaikan. Hanya satu (1) sahaja yang belum dijawab, iaitu cadangan supaya pengurusan permohonan *offset* untuk KWSMP dapat diperkasakan menerusi aplikasi digital. Isu ini sedang dalam tindakan Bahagian Standard Teknikal dan Pematuhan, Jabatan Kawal Selia Air dan Pembetulan SPAN menerusi inisiatif dalam membangunkan satu sistem bersepadu sektor pembetulan.

Namun begitu, inisiatif ini masih dalam peringkat awal dan masih belum dimuktamadkan lagi. Hasil lengkap bagi Laporan bengkel ini juga telah diedarkan kepada pengurusan atasan SPAN pada November 2019.



3.0 Projek Sistem Pembetulan Di Bawah KWSMP

Sehingga 2019, SPAN telah meluluskan 45 buah projek di bawah peruntukan KWSMP dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM630,320,104.95. Sebanyak 33 projek fizikal bukan kecemasan telah diluluskan dari 2012 hingga 2019 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Antaranya, 19 projek telah siap, dua (2) projek dalam pembinaan, dan baki 12 projek dalam perancangan.

Tahun	Perancangan	Pembinaan	Siap	Jumlah Projek	Kos (RM)
2012	0	1	5	6	29,059,839.20
2013	0	0	4	4	75,428,237.78
2014	0	1	7	8	143,092,157.31
2015	0	0	3	3	141,446,400.00
2016	0	0	0	0	0
2017	0	0	0	0	0
2018	12	0	0	12	210,093,010.74
2019	0	0	0	0	0
Jumlah Projek	12	2	19	33	-
Kos (RM)	210,093,010.74	60,955,152.20	328,071,482.09	-	599,119,645.03

Jadual 3: Peruntukan Projek Fizikal Bukan Kecemasan

Bagi projek yang diluluskan pada 2018, Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara Bil. 6/2019 telah bersetuju untuk menyerahkan 11 daripada 12 buah projek kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP) untuk pelaksanaan. Baki satu (1) projek akan dilaksanakan oleh SPAN.

Bil	Projek	Agensi Pelaksana	Kos (RM)
1	Cadangan Kerja-kerja Penggantian Paip Pembetulan di TPG047, Taman Bersatu, Taiping Perak Darul Ridzuan	JPP	1,000,000.00
2	Cadangan Kerja-kerja Rasionalisasi Loji Rawatan Kumbahan PDN101 di Taman Politeknik ke Loji Rawatan Kumbahan Berpusat (PDN110), Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus	JPP	14,500,000.00
3	Cadangan Rasionalisasi 10 buah Loji Rawatan Kumbahan (MTH238, MTH331, MTH334, MTH385, MTH437, MTH459, MTH462, MTH485, MTH479, MTH493) ke MTH321 yang akan dinaiktarafkan di Mukim Tanjung Minyak, Daerah Melaka Tengah, Melaka	JPP	28,700,000.00
4	Cadangan Kerja-kerja Membaik pulih Paip Pembetulan di KGA081, Taman Puteri, Kluang, Johor Darul Takzim	JPP	1,900,000.00
5	Cadangan Kerja-kerja Membaik pulih Paip Pembetulan di KGA131, Taman Sri Kluang, Kluang, Johor Darul Takzim	JPP	1,200,000.00

3.0 Projek Sistem Pembetulan Di Bawah KWSMP

Bil	Projek	Agensi Pelaksana	Kos (RM)
6	Cadangan Penaiktarafan Paip Pembetulan di HCH005, Stesen Teksi, Tanah Rata, Cameron Highlands, Pahang Darul Makmur	JPP	900,000.00
7	Cadangan Menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan MTH270 di Taman Seri Duyong 2, Daerah Melaka Tengah, Melaka	JPP	12,908,450.00
8	Cadangan Kerja-kerja Membaik pulih 59 Loji Rawatan Kumbahan Jenis Pakej	JPP	26,632,920.00
9	Cadangan Jangka Masa Pendek bagi Membaik pulih Rangkaian Paip Pembetulan dan Stesen Pam di Kuala Sawah, Daerah Seremban Negeri Sembilan Darul Khusus	JPP	25,351,640.74
10	Proposed Property Connection at Wang Bintong, Kangar, Perlis	JPP	35,000,000.00
11	Proposed Upgrading Existing at RSTP Kuah, Langkawi, Kedah	JPP	32,000,000.00
12	Cadangan Membaik pulih Sistem Pembetulan di Bandar Botanik dan Ambang Botanik, Klang (Tindakan Jangka Masa Panjang)	SPAN	30,000,000.00
Jumlah Kos (RM)			210,093,010.74

Jadual 4: Senarai projek 2018 dan agensi pelaksana

Sebanyak lapan (8) projek fizikal kecemasan/ darurat telah diluluskan. Tujuh (7) daripadanya telah siap. Baki satu (1) projek ditangguhkan kerana perubahan spesifikasi dan keperluan projek.

Tahun	Perancangan	Pembinaan	Siap	Jumlah Projek	Kos (RM)
2012	0	0	0	0	-
2013	0	0	1	1	197,500.00
2014	0	0	3	3	267,539.47
2015	0	0	2	2	630,200.00
2016	0	0	0	0	-
2017	0	0	0	0	-
2018	1	0	1	2	7,890,293.70
2019	0	0	0	0	-
Jumlah Projek	1	0	7	8	-
Kos (RM)	7,800,000.00	-	1,185,533.17	-	8,985,533.17

Jadual 5: Peruntukan Projek Fizikal Kecemasan/ Darurat

3.0 Projek Sistem Pembedungan Di Bawah KWSMP

Sebanyak empat (4) projek bukan fizikal (pelantikan perunding) telah diluluskan. Kesemua perunding masih dalam tempoh kontrak.

Tahun	Perancangan	Pembinaan	Siap	Jumlah Projek	Kos (RM)
2012	0	4	0	4	22,214,926.75
2013	0	0	0	0	-
2014	0	0	0	0	-
2015	0	0	0	0	-
2016	0	0	0	0	-
2017	0	0	0	0	-
2018	0	0	0	0	-
2019	0	0	0	0	-
Jumlah Projek	0	0	0	4	-
Kos (RM)	-	-	-	-	22,214,926.75

Jadual 6: Projek Bukan Fizikal (Pelantikan Perunding)



4.0 Status Projek Di Bawah Pembiayaan KWSMP

4.1 BILANGAN PROJEK YANG MASIH DALAM PEMBINAAN

Sebanyak dua (2) projek fizikal bukan kecemasan masih dalam pembinaan. Projek-projek ini adalah berkaitan dengan pembinaan dan menaik taraf rangkaian paip pembedungan. Projek-projek ini diselia oleh Perunding Pengurusan Pembinaan iaitu Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).

Bil	Projek	Nilai Kontrak Yang diawad (RM)	Tempoh Kerja (Bulan)	Kemajuan Kerja (%)
1	Cadangan Membina Rangkaian Paip Pembedungan di Sri-Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan	51,991,773.00	36	95
2	Cadangan Menaik taraf Paip Pembedungan Di Jalan Sultan Ahmad Shah, Georgetown, Pulau Pinang (Reka dan Bina)	8,963,379.20	18	95
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		60,955,152.20	-	-

Jadual 7: Projek Yang Masih Dalam Pembinaan

Sebanyak empat (4) projek bukan fizikal (pelantikan perunding) yang dilaksanakan bermula 2012, masih dalam perkhidmatan. Dua (2) perunding dilantik adalah bagi projek yang dilaksanakan oleh SPAN manakala baki dua (2) lagi adalah bagi projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP).

Bil	Projek	Perunding	Nilai Kontrak Yang Diawad (RM)
1	<i>The Proposed Sewerage Projects To Be Implemented Under The Funding Of The Sewerage Capital Contribution Fund – SPAN</i>	Indah Water Konsortium Sdn Bhd sebagai Perunding Pengurusan Pembinaan	3,585,152.00
2	Perkhidmatan Perunding Untuk Cadangan Membina Paip Pembedungan Bagi Kawasan Si Rusa, Port Dickson, Negeri Sembilan – SPAN	SMHB Sdn Bhd	4,577,353.09
3	<i>Proposed Upgrading Of Existing Bayan Baru Regional Plant (PEG061), Pulau Pinang – JPP</i>	Erinco Sdn Bhd	9,108,766.75
4	<i>Proposed Extension And Upgrading of Bayan Baru Sewer Network And Other Associated Works, Pulau Pinang - JPP</i>	Sepakat Setia Perunding Sdn Bhd	4,943,654.91
JUMLAH KESELURUHAN (RM)			22,214,926.75

Jadual 8: Projek Bukan Fizikal (Pelantikan Perunding) Yang Masih Dalam Pembinaan


4.0 Status Projek Di Bawah Pembiayaan KWSMP

4.2 BILANGAN PROJEK YANG SIAP

Sebanyak satu (1) buah projek fizikal bukan kecemasan telah disiapkan pada 2019. Projek ini adalah pembinaan modul tambahan bagi menampung pertambahan kapasiti di Loji Rawatan Kumbahan Serantau, Kuala Sawah yang diselia oleh SPAN.


Bil	Projek	Nilai Kontrak Yang Diawad (RM)	Tempoh Kerja (Bulan)	Kemajuan Kerja (%)
1	Cadangan Kerja-kerja Menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau Kuala Sawah, (SEN330), Daerah Seremban, Negeri Sembilan (Reka dan Bina)	80,496,400.00	36	100

Jadual 9: Projek Yang Telah Siap



Rajah 1: Gambar-gambar kerja menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Serantau Kuala Sawah (SEN330), Daerah Seremban, Negeri Sembilan.

5.0 Prestasi Kewangan Tahun 2019




Carta 1: Kutipan Tahunan KWSMP

Nota: mulai tahun 2018, kutipan KWSMP tidak termasuk pulangan sumbangan

Jumlah kutipan bagi 2019 adalah sebanyak RM312.79 juta dengan peningkatan sebanyak 1.06% berbanding dengan 2018 (RM309.51 juta). Peningkatan kutipan ini menunjukkan pertumbuhan positif sektor industri pembangunan hartanah yang didorong dengan beberapa inisiatif oleh pihak kerajaan seperti program pembinaan rumah mampu milik, projek PR1MA dan 'Home Ownership Campaign' (HOC).


5.0 Prestasi Kewangan Tahun 2019



Carta 2: Kutipan KWSMP pada 2019 mengikut Negeri


Pada 2019, kutipan tertinggi diperoleh dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan jumlah RM160.41 juta (51.3%), disusuli oleh Selangor RM61.49 juta (19.7%) dan Pulau Pinang sebanyak RM57.75 juta (18.5%). Kutipan tertinggi diperoleh dari kawasan Lembah Klang atas faktor kepesatan pembangunan bagi memenuhi permintaan dan kehendak penduduk setempat dan juga nilai hartanah yang sememangnya tinggi bagi kawasan ini.

5.0 Prestasi Kewangan Tahun 2019



Carta 3: Pecahan Sumber Sumbangan KWSMP Tahun 2019

Carta 3 menunjukkan pecahan kutipan KWSMP bagi 2019 mengikut kategori seperti yang telah ditetapkan. Seperti mana tahun-tahun sebelumnya, pengutipan tertinggi adalah daripada kategori sumbangan ke sistem pembetungan awam iaitu sebanyak RM279.0 juta (89.20%), diikuti dengan kategori menaik taraf loji iaitu RM17.2 juta (5.52%), kategori tangki septik individu RM12.6 juta (4.01%) dan akhir sekali kategori kemudahan enap cemar dan lain-lain RM3.96 juta (1.27%).



6.0 Perancangan Masa Hadapan

Selain menangani isu serta masalah semasa berkaitan sistem pembetungan, beberapa perancangan dan pelan rangka kerja telah disediakan untuk memastikan kelestarian agar sejajar dengan perkembangan teknologi dan inovasi terkini.

Sebagai langkah bagi memantapkan lagi tanggungjawab SPAN sebagai badan kawal selia dan juga kualiti perkhidmatan bekalan air dan pembetungan negara, inisiatif bagi mekanisme penyambungan loji rawatan kumbahan di premis persendirian dan kerajaan serta unit-unit tangki septik individu ke sistem pembetungan awam, telah mula dirangka. Pada peringkat permulaan ini, kawasan yang telah dikenal pasti ialah Port Dickson, Negeri Sembilan dan Melaka. Inisiatif ini adalah bertujuan untuk mengurangkan faktor pencemaran kepada sungai-sungai di samping dapat meningkatkan kutipan bayaran wang sumbangan KWSMP kelak.

Sejumlah peruntukan menggunakan dana KWSMP telah diluluskan bagi kerja-kerja penyambungan premis persendirian ke sistem pembetungan awam ini. Mekanisme pelaksanaan penyambungan akan memerlukan sokongan dan penglibatan Kerajaan Negeri mahupun pemilik premis supaya inisiatif ini dapat direalisasikan.





PENYATA KEWANGAN **BAGI TAHUN BERAKHIR** **31 DISEMBER 2019**

**Kumpulan Wang Sumbangan
Modal Pembetulan**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 24, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Merujuk Nota 17(b) kepada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan, Fi Tambahan Sumbangan Pembetungan sejumlah RM18,864,168 dari tahun 2015 sehingga 2019 tidak diakrukan di dalam penyata kewangan tahun 2019. Ini menyebabkan pendapatan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah berkurang nyata sejumlah RM18,864,168.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) untuk disimpan oleh Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 4 kepada penyata kewangan, Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan telah menerima pakai piawaian perakaunan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2019 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2018. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Anggota Suruhanjaya terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan pada 31 Disember 2018 dan 1 Januari 2018, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2018 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2019 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- b. Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya berdasarkan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan Sijil ini.



(ROSNI BINTI RAZALI)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA

7 SEPTEMBER 2020


19 MUHARRAM 1442H



PENYATA PENERUSI DAN SALAH SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA

Kami, **YB Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli** dan **Dato' Haji Ahmad Faizal bin Abdul Rahman**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara:



.....
YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI

Pengerusi

No. Kad Pengenalan : 570717-03-5679

Tarikh : **03 SEP 2020**



.....
DATO' AHMAD FAIZAL BIN ABDUL RAHMAN

Ketua Pegawai Eksekutif


No. Kad Pengenalan : 690329-03-5307

Tarikh : **03 SEP 2020**

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN

Saya, **Dr. Abrari bin Salleh**, pegawai utama yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan dengan ini mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)
penama di atas di **Bandar Baru Bangi**)
Tarikh : **- 3 SEP 2020**



DR. ABRARI BIN SALLEH

No. Kad Pengenalan : 690604-01-5299



Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH

310A Diamond Complex,
Bangi Business Park,
Jalan Medan Off Jln Persiaran,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
Aset Semasa			
Faedah Terakru	5	52,029,671	49,722,627
Lebihan cukai		3,491,014	1,870,996
Pelaburan Jangka Pendek	6	2,210,311,000	1,790,600,000
Tunai dan Kesetaraan Tunai	7	6,083,607	74,982,878
Jumlah Aset Semasa		2,271,915,292	1,917,176,501
JUMLAH ASET		2,271,915,292	1,917,176,501
Liabiliti Semasa			
Pemiutang	8	6,314,774	8,242,761
Akruan		32,065	9,967
Jumlah Liabiliti Semasa		6,346,839	8,252,728
JUMLAH LIABILITI		6,346,839	8,252,728
ASET BERSIH / EKUITI		2,265,568,453	1,908,923,773
Lebihan Terkumpul			
JUMLAH ASET BERSIH / EKUITI		2,265,568,453	1,908,923,773

Nota-nota yang disertakan di muka surat 28 hingga 39 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
HASIL			
Hasil Urus Niaga Pertukaran	9	378,453,894	305,010,597
BELANJA			
Perkhidmatan dan bekalan	14	35,975	6,722,597
Caj bank		32	103
JUMLAH BELANJA		36,007	6,722,700
LEBIHAN BAGI TAHUN SEBELUM CUKAI		378,417,887	298,287,897
TOLAK: CUKAI	15	(21,773,207)	(19,196,014)
LEBIHAN BAGI TAHUN SELEPAS CUKAI		356,644,680	279,091,883
Dipegang oleh:			
Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan		356,644,680	279,091,883

Nota-nota yang disertakan di muka surat 28 hingga 39 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Lebih Terkumpul	Jumlah Aset Bersih
	RM	RM
Baki Pada 1 Januari 2018	1,629,831,890	1,629,831,890
Lebihan Bagi Tahun Selepas Cukai	279,091,883	279,091,883
Jumlah Hasil Dan Belanja Diiktiraf Bagi Tahun Kewangan	279,091,883	279,091,883
Baki Pada 31 Disember 2018	1,908,923,773	1,908,923,773
Lebihan Bagi Tahun Selepas Cukai	356,644,680	356,644,680
Jumlah Hasil Dan Belanja Diiktiraf Bagi Tahun Kewangan	356,644,680	356,644,680
Baki Pada 31 Disember 2019	2,265,568,453	2,265,568,453

Nota-nota yang disertakan di muka surat 28 hingga 39 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	2019 RM	2018 RM
<u>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</u>		
Lebihan	378,417,887	298,287,897
<i>Pelarasan untuk:</i>		
Pendapatan faedah	(77,911,603)	(68,690,142)
Lebihan operasi sebelum perubahan modal kerja	300,506,284	229,597,755
<i>Pergerakan bukan tunai:</i>		
Peningkatan dalam penghutang	-	(1,870,996)
Penurunan dalam pemiutang	(1,927,987)	(1,219,027)
Peningkatan / (penurunan) dalam akruan	22,098	(3,907)
	298,600,395	226,503,825
Cukai	(23,393,225)	(19,309,173)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	275,207,170	207,194,652
<u>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</u>		
Pelaburan jangka pendek	(419,711,000)	(190,800,000)
Pendapatan faedah	75,604,559	54,077,280
Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	(344,106,441)	(136,722,720)
(Pengurangan) / peningkatan bersih tunai dan setara tunai	(68,899,271)	70,471,932
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh	74,982,878	4,510,946
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh	6,083,607	74,982,878

Nota-nota yang disertakan di muka surat 28 hingga 39 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama-sama.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. ASAS PENYEDIAAN

(a) Maklumat Am

Suruhanjaya telah ditubuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) pada 1 Februari 2007. Anggota Suruhanjaya telah dilantik oleh Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli ("Kementerian"). Suruhanjaya terdiri daripada Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan tidak kurang daripada lapan dan tidak lebih daripada sepuluh orang lain.

Alamat Suruhanjaya adalah di Aras Bawah & Aras Satu, Prima Avenue 7, Blok 3510, Jalan Teknokrat 6, 63000 Cyberjaya, Selangor.

Berdasarkan kepada Seksyen 172(4) dan (5) Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 [Akta 655], tahun kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan (KWSMP) bagi tahun 2019 bermula dari 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Penyata Kewangan KWSMP bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah dibentangkan dan diluluskan di Mesyuarat Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 3 September 2020.

(b) Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan. MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan mengukur Aset dan Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

Walau bagaimanapun, Penyata Kewangan ini telah disediakan di bawah konvensyen Kos Sejarah kecuali seperti yang didedahkan di Dasar Perakaunan (Nota 4 kepada Penyata Kewangan).

Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan ialah peristiwa yang memuaskan atau sebaliknya, yang berlaku antara tarikh pelaporan dengan tarikh apabila Penyata Kewangan diterbitkan. Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan dinyatakan dalam Nota 17.

(c) Pertimbangan Dan Anggaran

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi Aset, Liabiliti, Hasil dan Belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

2. KUMPULAN WANG SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan ditubuhkan di bawah Seksyen 172 Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655) dengan berkuatkuasanya Peraturan-peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan) 2010 mulai 1 Januari 2011.

Selaras dengan peruntukan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (Suruhanjaya) akan mengurus, mengawal dan mengendalikan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetulan (KWSMP) mulai 1 Januari 2011.

3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan KWSMP bertujuan untuk memastikan bahawa terdapat sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan operasi KWSMP dan menguruskan risiko kredit, kadar faedah, tukaran asing dan kecairan.

KWSMP beroperasi di bawah garis panduan yang telah ditetapkan dengan jelas yang diluluskan oleh KWSMP dan dasar KWSMP adalah untuk tidak melibatkan KWSMP dalam urusan spekulatif.

(a) Risiko mudah tunai

Risiko mudah tunai berkait dengan ketidakupayaan untuk memenuhi komitmen kewangan dan tanggungannya apabila sampai masa yang telah ditetapkan. KWSMP mempunyai tahap kecairan aset mudah cair yang mencukupi dan menyimpan tunai di institusi kewangan bagi tujuan memenuhi keperluan KWSMP dan lain-lain komitmen dan tanggungannya.

(b) Risiko kredit

KWSMP mengamalkan polisi di mana tunai dan bersamaan tunai disimpan hanya di bank dan institusi kewangan berlesen. Risiko kredit adalah risiko kerugian yang disebabkan oleh ketidakupayaan atau kegagalan pihak yang terlibat untuk memenuhi tanggungjawabnya membuat pembayaran semula. Pendedahan kepada risiko kredit adalah hasil daripada aktiviti-aktiviti urus niaga dan pelaburan.

Risiko kredit dikawal melalui aplikasi terhadap pengesahan kredit, had dan pengawalan prosedur. Ini dilaksanakan melalui rujukan kepada penarafan kredit yang diterbitkan oleh Institusi Kewangan. Sekiranya ketiadaan penarafan kredit, penyemakan kredit dalaman dilakukan untuk risiko kredit yang ketara.

(c) Risiko kadar faedah

KWSMP terdedah kepada risiko kadar faedah yang berkaitan dengan pelaburan simpanan tetapnya dengan sebuah institusi kewangan yang berlesen yang mempunyai kepercayaan kredit. KWSMP boleh terdedah kepada kerugian disebabkan oleh struktur kadar faedah yang timbul daripada perubahan kadar faedah.

KWSMP mengurus risiko kadar faedahnya dengan meletakkan baki berkenaan di institusi kewangan berlainan serta mengikut terma kematangan dan kadar faedah yang berbeza-beza.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

(d) Faedah terakru

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkau tempoh matang.

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA

KWSMP telah memilih untuk menggunakan piawaian perakaunan MPSAS bagi pelaporan penyata kewangan tahun 2019 seperti yang telah diluluskan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Tarikh peralihan daripada piawaian Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) kepada piawaian baharu MPSAS ini adalah pada 1hb Januari 2018.

(a) Pemakaian MPSAS

MPSAS yang diguna pakai oleh KWSMP adalah seperti berikut:

MPSAS 1 – Pembentangan Penyata Kewangan

MPSAS 2 – Penyata Aliran Tunai

MPSAS 3 – Dasar Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan

MPSAS 14 – Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan

(b) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan dan baki bank, deposit di bank dan institusi kewangan lain serta pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang 3 bulan dan kurang dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah secara tidak langsung.

(c) Pelaburan Jangka Pendek

Pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang lebih 3 bulan dan sehingga setahun dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

(d) Pengiktirafan Pendapatan

Semua pendapatan dikira atas dasar akrual kecuali kutipan sumbangan. Pendapatan kutipan sumbangan diiktiraf apabila kutipan telah dimuktamadkan. Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan sumbangan KWSMP sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 655).

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (sambungan)

(e) Cukai

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan.

Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara.

(f) Urus Niaga Pihak Berkaitan

Pihak-pihak yang dianggap berkaitan jika satu pihak mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak lain atau melaksanakan pengaruh ke atas pihak lain, setakat mana ia menghalang pihak lain dari mengejar kepentingan sendiri yang berasingan dalam membuat keputusan kewangan dan operasi.

(g) Instrumen Kewangan

(i) Aset kewangan dan aset liabiliti

KWSMP mengklasifikasikan aset kewangan dalam kategori berikut: pada nilai saksama melalui untung rugi dan pelunasan kos.

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran

Pembelian dan penjualan rutin aset kewangan diiktiraf pada tarikh dagangan di mana KWSMP bertekad untuk membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan yang dicatat pada nilai saksama melalui untung rugi diiktiraf pada nilai saksama, dan kos transaksi akan direkodkan dalam untung rugi. Aset kewangan tidak akan diperakui apabila hak untuk memperolehi aliran tunai yang dijana dari pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan KWSMP telah memindahkan semua risiko dan manfaat pemilikan secara keseluruhannya. Aset kewangan sedia untuk dijual dan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi kemudiannya dinilai pada nilai saksama. Pinjaman dan penghutang kemudiannya direkodkan pada kos pelunasan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Keuntungan atau kerugian yang terhasil daripada perubahan nilai saksama 'aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi' dinyatakan dalam laporan penyata prestasi kewangan dibawah kategori lain-lain untung/rugi bersih pada tempoh semasa. Pendapatan dividen daripada aset kewangan pada nilai saksama melalui untung rugi diiktiraf dalam laporan penyata prestasi kewangan sebagai sebahagian daripada lain-lain pendapatan apabila KWSMP telah mendapat hak untuk menerima bayaran.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (sambungan)

(g) Instrumen Kewangan (sambungan)

(iii) Penjejasan aset kewangan

(i) Aset direkodkan pada kos pelunasan

KWSMP menilai pada setiap akhir tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti yang objektif bahawa aset kewangan mengalami penjejasan nilai. Aset kewangan mengalami penjejasan nilai dan rugi penjejasan nilai akan ditanggung hanya jika wujud bukti objektif berkaitan penjejasan nilai sebagai penyebab wujudnya peristiwa atau peristiwa-peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan aset tersebut ('peristiwa yang merugikan') dan peristiwa yang merugikan telah memberi impak pada anggaran aliran tunai masa depan bagi aset kewangan yang mana anggarannya boleh diperakui.

Kriteria yang digunakan KWSMP untuk menentukan bahawa wujud bukti objektif penjejasan nilai meliputi:

- Kesulitan kewangan penerbit dan penerima tanggungan;
- Pelanggaran kontrak, ingkar atau tunggakan faedah atau bayaran pokok;
- KWSMP, atas sebab-sebab ekonomi atau undang-undang yang berkaitan dengan kesulitan kewangan peminjam; memberikan konsesi kepada peminjam, yang mana kebiasaannya tidak diberikan;
- Berkemungkinan peminjam akan berdepan dengan masalah muflis atau lain-lain bentuk penstrukturan semula kewangan;
- Kehilangan pasaran aktif untuk aset kewangan disebabkan kesulitan kewangan; atau
- Data yang menunjukkan terdapat pengurangan ke atas anggaran aliran tunai masa depan yang boleh diukur dari portfolio aset sejak pengiktirafan permulaan aset tersebut; walaupun penurunan tersebut belum dapat dikenalpasti berkait mana-mana aset kewangan tertentu dalam portfolio, termasuk:
 - (a) Perubahan yang merugikan status pembayaran peminjam dalam portfolio; dan
 - (b) Keadaan ekonomi nasional atau tempatan yang berkait rapat dengan prestasi aset dalam portfolio.

KWSMP terlebih dahulu menilai bukti-bukti mengenai kewujudan penjejasan nilai. Jumlah kerugian diukur melalui perbezaan di antara nilai bawaan aset dan nilai masa kini bagi anggaran aliran tunai masa depan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum berlaku) didiskaunkan pada kadar faedah efektif yang asal bagi aset kewangan itu. Nilai bawaan aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam laporan penyata prestasi kewangan. Jika pinjaman atau pelaburan dipegang hingga jatuh tempoh matang memiliki kadar faedah berubah-ubah, kadar diskaun efektif masa kini adalah kadar diskaun yang digunakan untuk mengukur sebarang penjejasan sepertimana yang dinyatakan dalam kontrak.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

4. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN UTAMA (sambungan)

(g) Instrumen Kewangan (sambungan)

(iii) Penjejasan aset kewangan (sambungan)

Secara praktikalnya, KWSMP dapat mengukur penjejasan nilai berdasarkan nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran yang boleh diperhati. Jika, pada tempoh berikutnya, jumlah rugi penjejasan berkurang dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif dengan suatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan penjejasan nilai (seperti peningkatan tingkat kredit penghutang), pemulihan kerugian penjejasan nilai sebelumnya diakui diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

(iv) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya apabila, KWSMP menjadi pihak yang terlibat kontrak peruntukan bagi instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diiktiraf umum pada nilai saksama, yang mana bagi liabiliti yang terdiri daripada liabiliti selain derivatif, pengiktirafan ditambah kos transaksi terlibat secara langsung.

Selepas pengukuran awalan, kesemua liabiliti kewangan diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah efektif kecuali untuk derivatif yang mana diukur pada nilai saksama.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila tanggungan ke atas liabiliti dipadamkan. Apabila liabiliti kewangan yang wujud diganti oleh liabiliti yang lain dari pemberi pinjaman yang sama tetapi dengan terma-terma pinjaman yang berbeza, atau terma bagi liabiliti yang sedia ada dipinda, di mana pertukaran atau pindaan diperlakukan sebagai penamatan pengiktirafan ke atas liabiliti yang asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam nilai bawaan turut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

5. FAEDAH TERAKRU

Faedah terakru adalah terdiri daripada faedah deposit yang dibuat di bank berlesen.

6. PELABURAN JANGKA PENDEK

Kadar faedah bagi deposit simpanan tetap dengan bank berlesen ialah di antara 3.50% hingga 4.25% setahun (2018: 3.70% - 4.30%). Tempoh matang deposit tetap adalah dua belas (12) bulan. Deposit simpanan tetap dengan bank-bank berlesen seperti berikut:

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

6. PELABURAN JANGKA PENDEK (sambungan)

	2019 RM	2018 RM
Malayan Banking Berhad (Maybank)	534,160,000	703,640,000
Affin Bank Bhd	242,790,000	290,000,000
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	219,745,000	192,250,000
Alliance Bank Berhad	66,415,000	126,700,000
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	251,370,000	70,000,000
Bank Islam Malaysia Bhd	17,931,000	329,650,000
Bank Simpanan Nasional	133,400,000	48,360,000
RHB Bank	372,750,000	-
CIMB Bank	341,750,000	-
Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank)	30,000,000	-
AmBank Islamic Berhad	-	30,000,000
	2,210,311,000	1,790,600,000

7. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan dan baki di bank dan simpanan tetap. Tunai dan setara tunai termasuk dalam penyata aliran tunai terdiri daripada amaun penyata kedudukan kewangan yang berikut:

	2019 RM	2018 RM
Deposit di bank berlesen - REPO	-	67,200,000
Baki bank	6,083,607	7,782,878
	6,083,607	74,982,878

8. PEMIUTANG

	2019 RM	2018 RM
Pemiutang operasi	1,841,865	3,761,880
Wang Tahanan	4,472,909	4,480,881
	6,314,774	8,242,761

9. HASIL URUS NIAGA PERTUKARAN

	Nota	2019 RM	2018 RM
Sumbangan Modal Pembedungan	10	312,786,142	309,507,722
Kos Pembiayaan Projek	11	(9,418,684)	(70,554,305)
Pulangan Sumbangan	12	(2,826,267)	(2,651,262)
Pendapatan Faedah	13	77,911,603	68,690,142
Pendapatan Lain		1,100	18,300
		378,453,894	305,010,597

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

10. SUMBANGAN MODAL PEMBETUNGAN

Butiran Kutipan Sumbangan Modal Pembetulan Mengikut Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

Kutipan Sumbangan KWSMP Mengikut Negeri	Mengikut Kategori (RM)				2019	2018
	Naik taraf	Sumbangan	Tangki Septik Individu	Kemudahan Erap Cemar dan Lain-lain	RM	RM
1. PERAK	24,668	958,172	1,338,893	295,241	2,616,974	3,703,238
2. SELANGOR	8,426,360	47,495,773	2,916,306	2,654,790	61,493,229	64,624,641
3. PAHANG	189,111	1,368,750	1,387,721	204,780	3,150,362	1,376,934
4. KELANTAN	0	0	3,081,356	25,090	3,106,446	2,196,435
5. JOHOR	0	5,231,196	1,289,502	375,891	6,896,589	24,413,555
6. KEDAH	0	2,791,623	463,920	77,550	3,333,093	2,721,204
7. W.P. LABUAN	0	309,000	28,560	235	337,795	239,324
8. MELAKA	0	4,953,083	212,759	57,337	5,223,179	1,653,706
9. NEGERI SEMBILAN	0	6,872,097	191,504	6,265	7,133,866	9,035,471
10. PULAU PINANG	6,700,467	50,497,633	344,146	210,420	57,752,666	45,825,419
11. PERLIS	0	0	116,040	34,350	150,390	311,527
12. TERENGGANU	0	0	1,167,480	11,800	1,179,280	1,385,965
13. WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	1,918,881	158,467,187	18,720	7,485	160,412,273	152,020,303
	17,259,487	279,008,514	12,556,907	3,961,234	312,786,142	309,507,722

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

11. KOS PEMBIAYAAN PROJEK

Butiran Kos Pembiayaan Projek Mengikut Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

	2019	2018
	RM	RM
Kos Projek - Selangor	104,032	4,487,830
Kos Projek - Pahang	161,727	18,437
Kos Projek - Kelantan	90,294	-
Kos Projek - Kedah	-	1,425
Kos Projek - Melaka	194,601	-
Kos Projek - Negeri Sembilan	6,466,557	61,361,487
Kos Projek - Pulau Pinang	1,801,473	3,631,665
Kos Projek - Terengganu	-	32,696
Kos Projek - Wilayah Persekutuan	600,000	1,020,765
	9,418,684	70,554,305

Kos projek di setiap negeri perlu dikenalpasti, dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembetungan (JKWSMP) sebelum arahan pembayaran dapat dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal KWSMP.

Secara teknikalnya, KWSMP hanya membiayai perbelanjaan projek terhadap kepada nilai kos projek yang telah diluluskan oleh JKWSMP dan pihak KWSMP adalah bebas dari sebarang komitmen dan tanggungjawab modal bagi projek-projek berkenaan kerana ianya bukan aset KWSMP.

KWSMP hanya sebuah kumpulan amanah yang bertanggungjawab atas arahan pihak ketiga bagi membiayai perbelanjaan memajukan projek-projek yang telah ditetapkan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

12. PULANGAN SUMBANGAN

Butiran Pulangan Sumbangan Modal Pembedanaan Mengikut Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019.

Pulangan Sumbangan KWSMP Mengikut Negeri	Mengikut Kategori (RM)				2019 RM	2018 RM
	Naik taraf	Sumbangan	Tangki Septik Individu	Kemudahan Enap Cemar dan Lain-lain		
1. SELANGOR	-	1,701,893	-	-	1,701,893	1,294,756
2. PAHANG	821,914	0	16,200	-	838,114	149,858
3. KELANTAN	-	0	-	-	-	8,050
4. JOHOR	-	0	-	-	-	694,366
5. KEDAH	-	0	-	-	-	156,798
6. NEGERI SEMBILAN	-	64,000	-	400	64,400	252,507
7. PULAU PINANG	-	0	-	-	-	91,687
8. TERENGGANU	-	0	-	-	-	3,240
9. W.P. KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	-	221,860	-	-	221,860	-
	821,914	1,987,753	16,200	400	2,826,267	2,651,262

13. PENDAPATAN FAEDAH

Pendapatan faedah adalah faedah yang diterima daripada simpanan tetap KWSMP di beberapa Bank dan di Institusi Kewangan Berlesen.

14. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN

	2019 RM	2018 RM
Cukai barang dan perkhidmatan (GST)	-	5
Kos pengiklanan dan percetakan	-	12,625
Kos perkhidmatan agen cukai dan auditan	35,975	9,967
Fi pengurusan KWSMP	-	6,700,000
	35,975	6,722,597

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

15. PERCUKAIAN

	2019 RM	2018 RM
Tahun semasa:		
- cukai pendapatan	21,773,207	19,196,014
	21,773,207	19,196,014

Penyesuaian di antara kenaikan cukai dan lebihan kendalian sebelum cukai adalah seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Lebihan pendapatan sebelum cukai	378,417,887	298,287,897
Cukai dikira pada kadar cukai 28% (2018: 28%) yang ditetapkan bagi Pertubuhan di Malaysia (RM1,000,000 pertama, adalah RM237,650)	237,650	237,650
Kesan cukai ke atas:		
- Perbelanjaan tidak dibenarkan	2,647,314	21,637,562
- pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(86,788,765)	(85,919,809)
	21,773,207	19,196,014

Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembedungan melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara telah mendapat pengecualian cukai pendapatan melalui Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 2006 yang diberikan oleh Kementerian Kewangan pada 15 April 2009. Pendapatan yang diberikan pengecualian adalah pendapatan yang diterima atau jumlah wang disumbangkan oleh mana-mana pemaju (pembedungan) bagi kegunaan tertentu.

16. URUSNIAGA DENGAN PIHAK BERKAITAN

	2019 RM	2018 RM
Belanja Fi Pengurusan SPAN	-	6,700,000

Tiada perbelanjaan telah diiktiraf dalam tempoh kewangan semasa untuk hutang lapuk atau hutang ragu berkenaan dengan amaun yang terhutang oleh pihak berkaitan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (sambungan)

17. PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN

(a) Fi Pengurusan KWSMP 2019 akan direkod dan dibayar kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara sebaik sahaja menerima invois berkenaan dan tertakluk dibawah S.172 (3)(c) Akta 655 menyatakan KWSMP hendaklah dibelanjakan bagi apa-apa maksud lain yang ditentukan oleh Menteri. Pada 28 Februari 2020, pihak Kementerian Tanah, Air dan Sumber Asli telah meluluskan bayaran Fi Pengurusan KWSMP 2019 sebanyak RM6,500.000 sahaja selepas semakan dilakukan. Tiada sebarang ikatan perjanjian di antara pihak SPAN dan pihak KWSMP mengenai Fi Pengurusan KWSMP melainkan hanya kelulusan YB Menteri. Pihak SPAN telah mengemukakan tuntutan Fi Pengurusan KWSMP 2019 melalui invois No. 000147 bertarikh 11 Mac 2020 dan telah direkod dalam tahun 2020.

(b) Merujuk kepada fi tambahan sumbangan (selepas pemeriksaan) bagi tahun 2015 hingga 2019 sebanyak RM18,864,167.70. Semakan dan pengemaskinian maklumat daripada Pejabat Wilayah SPAN telah dibuat dan invois telah dikeluarkan dalam tahun 2020. Penentuan dan pembayaran fi KWSMP hendaklah mengikut Perkara 4(1) Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (KWSMP) 2011. Manual Prosedur Kerja bagi Kutipan KWSMP telah dikeluarkan oleh SPAN pada tahun 2020 bagi memastikan semua bayaran dikutip dan diterima oleh KWSMP selepas pengiraan fi KWSMP dimuktamadkan sebelum Notis Pemeriksaan Akhir dikeluarkan (Sijil Menduduki). Bermakna proses pemeriksaan atau validasi dilakukan sebelum bayaran fi KWSMP dimuktamadkan (PDC 8). Oleh itu, tidak ada Fi Tambahan KWSMP selepas ini kerana hanya ada satu Fi KWSMP sahaja.

(c) Wabak terkini penyakit "Novel Coronavirus 2019" ("COVID-19") sejak hujung tahun 2019 telah menjadi kes penting meningkat di seluruh dunia yang mendorong Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mengisytiharkan sebagai pandemik pada 11 Mac 2020. Satu siri langkah berjaga-jaga dan kawalan telah dan terus dilaksanakan di seluruh dunia. Kerajaan Malaysia telah mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac 2020 hingga 3 Mei 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dari 4 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020. Pada 7 Jun 2020, Perdana Menteri Malaysia mengumumkan bahawa PKP akan berterusan sehingga 31 Ogos 2020 di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang ditetapkan untuk bermula pada 10 Jun 2020.

Oleh kerana wabak ini adalah keadaan yang tidak dapat dijangka bila ia akan berakhir, maka amat sukar untuk menilai keadaan pada masa kini, tetapi pihak pengurusan komited dalam menilai kesannya terhadap operasi KWSMP. Walau bagaimanapun, pada tarikh laporan ini, pihak pengurusan tidak dapat mengesahkan sama ada KWSMP mengalami sebarang impak negatif yang ketara dan mempunyai kebolehpayaan untuk beroperasi dalam tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan yang akan datang dari penyata kewangan ini ditandatangani kerana pihak pengurusan dalam proses membuat analisa implikasi PKP dan PKPB secara lebih mendalam.

Peristiwa-peristiwa di atas tidak melibatkan apa-apa perubahan kepada Penyata Kedudukan Kewangan SPAN pada 31 Disember 2019 sehingga tarikh Penyata Kewangan ini dibentangkan.

18. MAKLUMAT PERBANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka perbandingan di dalam penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif telah diselaraskan untuk disesuaikan dengan pembentangan akaun pada tahun semasa.



Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
(National Water Services Commission)
Aras Bawah & Aras Satu,
Prima Avenue 7, Blok 3510,
Jalan Teknokrat 6,
63000 Cyberjaya, Malaysia.
Tel : 603 - 8317 9333 / 334 / 335
Fax : 603 - 8317 9339 / 9336

www.span.gov.my